

# Rasuah halang capai status negara maju

UM 7 JAN 2003

**K**UALA LUMPUR 6 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak akan mengecapi status negara maju jika kakitangan awam yang menjadi jentera kerajaan mengamalkan rasuah.

Menurut Perdana Menteri, amalan buruk itu tidak harus ada pada mana-mana penjawat awam memandangkan perlakuan itu tidak diterima oleh masyarakat negara ini.

Malah tegas beliau, negara yang menjadikan rasuah budaya pentadbirannya tidak mungkin dapat dimajukan kerana segala-galanya akan dihalang dengan sengaja supaya rasuah dapat dihulurkan.

“Kita lihat bukan benda yang besar sahaja terdedah kepada rasuah tetapi juga perkara-perkara kecil. Contohnya dengan sengaja

melambat-lambatkan kelulusan sesuatu perkara.

“Negara yang punyai budaya ini tidak mungkin dapat dimajukan walaupun ia kaya dengan mempunyai banyak sumber alam,” katanya ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Keempat (MAPPA IV) dan Perasmian Bangunan Pusat Teknologi Pengurusan INTAN (IMATEC) di Bukit Kiara, dekat sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, jika sesebuah negara itu mempunyai emas yang banyak dalam bumi, dan pengeluarannya hanya boleh dilakukan selepas mendapatkan lesen, sudah tentu pentadbir yang rasuah akan melambat-lambatkan pengeluaran lesen berkenaan.

“Bila pihak yang ingin majukan usaha tersebut tidak mahu memberi rasuah, maka hasil bumi

yang ada tidak akan dapat di bawa keluar,” katanya sambil memberitahu kesan tindakan seumpama itu hanya akan merugikan negara terbabit.

Dr. Mahathir berkata, penjawat awam juga tidak harus membiarkan wujud tanggapan bahawa urusan dengan kerajaan hanya akan berjalan lancar jika diberikan rasuah.

Ini kerana tanggapan sedemikian, katanya, akan hanya menyebabkan orang ramai enggan membuat aduan bagi membanteras gejala berkenaan kerana bimbang apa yang dihajatnya akan terlepas.

Dalam konteks negara ini ujar Dr. Mahathir, Malaysia beruntung kerana mempunyai pentadbir yang ikhlas, jujur serta amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

Disebabkan hasil usaha

mereka jugalah katanya, negara kini maju setapak demi setapak sehingga menjadi negara industri.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut memuji kakitangan awam yang menurutnya cekap sehingga negara berjaya mengecapi banyak kemajuan serta kejayaan.

Menurutnya, kakitangan yang sama juga terbukti mampu menangani pelbagai masalah yang timbul serta melaksanakan segala dasar yang ditetapkan kerajaan.

Biarpun wujud beberapa kelemahan dalam pentadbiran kerajaan ujar beliau, namun ia sentiasa diperbaiki dari semasa ke semasa.

“Saya akui saya juga pernah kritik dan marah kakitangan kerajaan tetapi itu demi memastikan jentera kerajaan dapat bergerak dengan lancar,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, jika beliau tidak bersikap demikian kemungkinan besar segala kepincangan yang berlaku tidak dapat diperbetulkan dengan segera.

Pada ucapan yang sama, beliau turut mengucapkan

terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang membantunya sepanjang menjadi Perdana Menteri selama 21 tahun.

Mengenai kenaikan gaji kakitangan awam pula, Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan tidak boleh mem-

bayar gaji yang tinggi semata-mata atas faktor kos hidup yang meningkat.

“Kita dapati, jika kita bayar gaji terlalu tinggi lebih daripada kemampuan kerajaan, apa yang akan berlaku ialah inflasi serta kuasa membeli akan menurun,” katanya.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan hanya boleh membayar gaji yang seimbang dengan kuasa beli yang ada di samping mengenakan kawalan harga barang supaya para peniaga tidak menaikkan harga barangan sesuka hati.